

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG  
KETIGA BELAS, PENGGAL KEEMPAT, MESYUARAT KETIGA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI  
MAHMUD  
[ KOTA RAJA ]**

**TARIKH : 27 OKTOBER 2016 (KHAMIS)**

**Dr. Hajah Siti Mariah Binti Mahmud [ Kota Raja ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan status Projek Generasi Kedua di FELDA Papan  
Timur, Kota Tinggi Johor.**

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan di Projek Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) di FELDA Papan Timur masih berjalan di mana kemajuan projek sudah mencapai tahap 55% dan dijangka siap sepenuhnya pada suku keempat tahun 2017. Pihak kontraktor juga telah membuat permohonan bagi penukaran kaedah Sistem Bangunan Perindustrian (*Industrial Building System IBS*) dalam pembinaan yang sedang dijalankan. Permohonan ini masih di peringkat kajian oleh pihak FELDA. Sebanyak 281 unit rumah telah disiapkan dan baki 258 unit lagi akan disiapkan setelah penilaian IBS berkenaan diperakui.

Sekian , terima kasih.

**SOALAN ( 29 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 27 OKTOBER 2016  
[ KHAMIS ]**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HASAN BIN ARIFIN  
[ ROMPIN ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. Dato' Hasan bin Arifin [ Rompin ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan akan mengkaji semula Akta Pemberi Pinjaman Wang 1951 (Pindaan 2001) dan memperuntukkannya dibawah kawalan Bank Negara agar ianya lebih terkawal dan efektif demi memastikan kesejahteraan rakyat.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan mempunyai rancangan untuk mengkaji semula Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400] pada tahun 2017. Buat masa ini, rundingan awal (*engagement*) dengan pemegang-pemegang taruh sudah dimulakan. Pindaan Akta 400 dijangka dapat dibentangkan kepada Dewan yang mulia ini sekitar tahun 2018.

Buat masa ini, tiada cadangan untuk meletakkan Akta 400 di bawah kawalan Bank Negara Malaysia (BNM). Namun demikian, cadangan Ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian sewajarnya.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2016

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE  
[ PETALING JAYA UTARA ]**

**TARIKH : 27 OKTOBER 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN : 30**

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sebab "*Passenger Service Charge*" (PSC) akan dinaikkan pada 1 Januari 2017 walaupun kenaikannya pada tahun 2011 telah melebihi 25% dan jauh melebihi kadar inflasi negara. Adakah PSC di KLIA2 juga akan dinaikkan sehingga kadar yang sama dengan KLIA.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Penetapan kadar caj bagi *Passenger Service Charge* (PSC) masih di dalam perbincangan di antara Kerajaan dan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) dan akan dimaklumkan dalam masa terdekat.